

Bank Negara masuk pasaran wang

Usaha lindungi nilai ringgit

Oleh **MANJA ISMAIL**
dan **WAN HAMIDI HAMID**

KUALA LUMPUR, Isnin — Bank Negara menyertai urusan secara cergas di pasaran pertukaran mata wang antarabangsa di London untuk melindungi serta meningkatkan nilai ringgit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, tuduhan beberapa peniaga mata wang asing di London kononnya Bank Negara berbuat demikian untuk mengaut keuntungan dan boleh menimbulkan ketegangan politik, adalah tidak benar.

"Tuduhan itu tidak benar kerana kita sedang menstabilkan nilai ringgit. Apabila mereka berbuat sesuatu, semuanya betul. Kenapa mereka boleh melindungi kepentingan mereka sedangkan kita tidak?"

"Ini bagi saya tidak adil," katanya menjawab soalan pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya di Kongres Pengiklanan Asia ke-17 di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan sebuah laporan dari London kononnya penyertaan cergas Bank Negara dalam urusan di pasaran mata wang antarabangsa di sana boleh menjejaskan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Britain.

Laporan itu mendakwa, Bank Negara menjadi punca utama bank-bank di London membentuk sebuah kartel di pasaran mata

wang antarabangsa, yang sekarang sedang disiasat oleh Pejabat Perdagangan Britain.

Penyasatan itu akan menentukan sama ada satu perjanjian oleh 10 bank mengenai syarat perniagaan sterling menentang dolar Amerika menyalahi Akta Amalan Perlindungan Perdagangan Britain.

Perdana Menteri berkata, negara kehilangan banyak wang sebelum ini berikutan kejatuhan nilai ringgit ekoran tindakan negara tertentu menilai semula dan menurunkan nilai mata wang mereka.

"Apabila mereka menilai semula mata wang mereka seperti yen, Malaysia rugi kerana kita meminjam yen. Ketika mereka menurunkan nilai mata wang mereka, kita juga kerugian.

"Justeru itu, apakah salahnya dengan usaha Bank Negara untuk melindungi kepentingan kita? Kenapa mereka sahaja boleh melindungi kepentingan mereka sedangkan kita tidak? Ini saya tidak faham," katanya.

Tiga peniaga mata wang dan sebuah bank pusat di Eropah mendakwa kejatuhan teruk jualan mata wang sterling berpunca daripada kegiatan cergas Bank Negara di pasaran antarabangsa.

Bagaimanapun, Bank of England yang menyedari mengenai usaha Bank Negara itu, tidak membuat sebarang bantahan.

Sementara itu, laporan berkenaan juga memetik seorang pegawai kanan bank pusat di Eropah yang menyifatkan tindakan Bank Negara itu amat baik kerana bijak berurusan di pasaran mata wang antarabangsa.

Bank-bank di Barat, kata laporan itu, bimbang mereka mungkin kehilangan peluang untuk menembusi pasaran Malaysia yang berkembang pesat jika mereka menghalang usaha Bank Negara.